

**Syukuri Nikmat Jalani Ibadah Dalam Keamanan - Najib
Bernama
July 13, 2014**

KUANTAN, 13 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meminta umat Islam di negara ini supaya sentiasa bersyukur kerana dapat melaksanakan pelbagai ibadah di bulan Ramadan dengan penuh keamanan.

Beliau berkata umat Islam di beberapa negara Islam lain seperti Palestin dan Syria tidak dapat menjalankan ibadah berpuasa dan ibadah lain dengan sempurna kerana sentiasa berada di dalam ketakutan akibat peperangan.

"Kita di Malaysia berasa amat bersyukur dapat menambah ibadah mengikut kemampuan di bulan Ramadan tanpa melalui apa-apa halangan.

"Dalam rasa bersyukur di atas nikmat yang Allah kurniakan, kita harus ingat apa yang dilalui oleh saudara kita di Gaza di mana mereka ketakutan diserang rejim Zionis habis-habisan tanpa belas kasihan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian sumbangan Aidilfitri kepada anak-ayam yatim di Masjid Negeri Sultan Ahmad 1 di sini sebelum berbuka puasa bersama kira-kira 10,000 penduduk di Padang Majlis Perbandaran Kuantan 1, yang bersebelahan masjid berkenaan.

Najib berkata beliau juga sedih dengan pertumpahan darah yang berlaku di Palestin sekarang, di mana 76 peratus mereka yang maut adalah orang awam terutamanya kanak-kanak.

Menurutnya perbalahan di antara sebuah negara dengan negara lain hanya memusnahkan rakyat negara itu sendiri dan perbalahan seperti itu amat ditegah di dalam Islam.

"Janganlah kita berbalah-balah sesama kita, negara yang berbalah akhirnya akan hilang kekuatan, sekaligus musuh akan melakukan apa saja ke atas kita kerana negara Islam berada dalam keadaan lemah.

"Sampaikan Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu sendiri pun tidak peduli kepada desakan antarabangsa yang mahu beliau hentikan serangan ke

atas Gaza kerana beliau melihat negara Islam kini lemah, lagi pula beliau seorang pemimpin yang angkuh dan bongkak," kata Najib.

Perdana Menteri juga memaklumkan bahawa beliau akan menyaksikan final Piala Dunia di antara Jerman dan Argentina di Dataran Merdeka bersama-sama 50,000 peminat bola sepak bermula 3 pagi nanti.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1053341>